




KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Program Transformasi Minda (PTM)

Orang Kurang Upaya (OKU) dalam Perkhidmatan Awam



Kandungan Modul



Pengendalian kepada Orang Kurang Upaya (OKU)



Inklusiviti Orang Kurang Upaya (OKU) dalam Perkhidmatan Awam



TAHUKAH ANDA?

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008,

'OKU termasuklah mereka

yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat'

Kategori OKU



Kurang Upaya
Pendengaran



Kurang Upaya
Penglihatan



Kurang Upaya
Pertuturan



Kurang Upaya
Pembelajaran



Kurang Upaya
Fizikal



Kurang Upaya
Mental



Kurang Upaya
Pelbagai

<http://www.kpwkm.gov.my>


f kpwkm

@kpwkm

@kpwkm

UKK KPWK

Definisi OKU



Akta Orang Kurang Upaya
2008 (Akta 685)

Garis Panduan Pendaftaran
Orang Kurang Upaya
(Pindaan 2019)



Tafsiran Orang Kurang Upaya

Istilah sebenar kepada singkatan OKU ialah







OKU : Orang Kurang Upaya

Bukannya



OKU : Orang Kelainan Upaya



Kategori Orang Kurang Upaya

7 KATEGORI KURANG UPAYA



FIZIKAL
248,582 (33.55%)



MENTAL
58,550 (7.94 %)



PEMBELAJARAN
289,161 (39.03%)



PENDENGARAN
46,804 (7.90%)



PENGLIHATAN
62,289 (8.41%)



PELBAGAI
31,565 (4.26%)



PERTUTURAN
3,893 (0.53%)



740,844 (2.41%)
Statistik OKU Berdaftar
(Sehingga 31 Oktober 2024)



Kategori OKU	Kod
Pendengaran	DE
Penglihatan	BL
Pertuturan	SD
Fizikal	PH
Pembelajaran	LD
Mental	ME
Pelbagai	MD



Kepentingan Pendaftaran OKU



Untuk mengetahui bilangan, taburan, dan kategori OKU bagi merancang program/perkhidmatan berkaitan pencegahan, pendidikan, pemulihan, dan latihan.



Merancang penyediaan kemudahan yang sesuai dengan keperluan OKU.



Memastikan OKU berdaftar mendapat perkhidmatan yang sesuai berdasarkan tahap fungsi/ketidakupayaan.



Pendaftaran OKU



Permohonan pendaftaran OKU boleh dibuat di Pejabat Kebajikan Masyarakat atau secara dalam talian menggunakan Borang Permohonan Pendaftaran OKU (BPPOKU) melalui laman web <https://oku.jkm.gov.my>.



2022
Penambahbaikan Kad OKU
melalui Kod QR (QR Code)



Lebih 30
Kemudahan/Keistimewaan
Berdaftar sebagai OKU



Peluang pemulihan, latihan, bantuan kewangan, alat sokongan, dan khidmat kaunseling JKM.

Pengurangan kadar lesen kenderaan motor.

Kemudahan pengurangan tambang pengangkutan awam.

Program Pendidikan Khas dan Bantuan Kewangan Pelajar.

Pelepasan cukai pendapatan dan pengecualian bayaran tertentu.

Diskaun pembelian rumah, pengecualian duti import, dan kemudahan pekerjaan.

Bantuan peralatan seperti alat tiruan dan rawatan perubatan.

Perlindungan insurans khas seperti Allianz Ability Life.


Rumusan



OKU menghadapi cabaran dan keterbatasan dalam menjalani kehidupan seharian mereka.



Kepentingan pendaftaran untuk mendapatkan keistimewaan sebagai pemegang kad OKU



Penerimaan, pemahaman, dan sokongan yang berterusan diperlukan bagi memastikan mereka mencapai inklusiviti sosial secara menyeluruh dalam setiap aspek kehidupan.



Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) dibuat secara sukarela. Agensi yang terlibat dalam pendaftaran adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan Malaysia



Inklusiviti Orang Kurang Upaya dalam Perkhidmatan Awam



Dasar dan Perundangan bagi OKU



Interaksi bersama OKU



Ke Arah Persekitaran Kerja yang Mesra OKU



Dasar dan Perundangan bagi OKU


Dasar dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya

Dasar OKU menjadi asas kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Dasar ini turut mengutamakan nilai hak kemanusiaan seperti kemuliaan, kehormatan dan kebebasan bagi membolehkan mereka hidup berdikari.

Akta Orang Kurang Upaya (Akta 685)

Akta OKU 2008 bertujuan memastikan hak dan kebajikan OKU terjamin (*rights-based act*).

Memperuntukkan pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kebajikan golongan OKU, penubuhan Majlis Kebangsaan OKU serta lain-lain perkara berkaitan.



Dasar dan Perundangan bagi OKU



JPA.BK(S)256/6/6 Klt.9

No. Siri



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2010

PENCAPAIAN DASAR SATU PERATUS PELUANG PEKERJAAN
DALAM PERKHIDMATAN AWAM KEPADA ORANG KURANG UPAYA

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Orang Kurang Upaya dan langkah-langkah *affirmative* yang perlu diambil oleh suruhanjaya, kementerian serta agensi di bawah kementerian bagi mempercepat pencapaian dasar tersebut.

LATAR BELAKANG

2. Dasar yang memperuntukkan satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 (PP 3/2008). Dasar ini dilaksanakan selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi keupayaan modal insan di kalangan rakyat Malaysia, khususnya bagi OKU dan merealisasikan hasrat menjadikan rakyat Malaysia sebagai masyarakat penayang. Melalui dasar ini, OKU yang memiliki kelayakan akademik dan kemahiran yang

1

Pekeliling Perkhidmatan Bil 16 Tahun 2010

Jabatan Perkhidmatan Awam
(JPA) melaksanakan
Dasar Satu Peratus Peluang
Pekerjaan OKU
dalam sektor awam, dengan
sekurang-kurangnya
1% jawatan diperuntukkan untuk
OKU.



Interaksi bersama OKU



Keperibadian OKU



Menyantuni OKU



Teknik Komunikasi
dengan OKU



Keperibadian OKU



Kenali Perbezaan Individu

Keperibadian dan karakter OKU berbeza mengikut pengalaman hidup, kategori OKU, dan sokongan yang mereka terima



Tumpukan pada kekuatan mereka

Fokus pada kebolehan dan keupayaan mereka, bukan sekadar kekurangan. Ini membantu membina keyakinan diri mereka dan hubungan yang positif



Bersikap terbuka dan tidak membuat andaian


Elakkan prasangka atau stereotaip



Kenali Pengaruh Lingkungan

Karakter OKU juga dipengaruhi oleh cara masyarakat, keluarga, dan rakan-rakan memperlakukan mereka. Sokongan positif boleh membina keyakinan





Apakah yang salah dalam gambar ini?



Menyantuni OKU

6 CARA MENGHORMATI ORANG KURANG UPAYA (OKU)



Menyantuni OKU

Teknik Berurusan dengan OKU Penglihatan:

- 1. Perkenalkan Diri:** Sebutkan nama anda apabila bertemu dan elakkan bertanya "Awak kenal siapa saya?".
- 2. Sentuhan dan Nama:** Sentuh tangan mereka dan panggil nama mereka untuk memastikan mereka tahu anda sedang bercakap.
- 3. Arahan Spesifik:** Berikan arahan yang jelas seperti "Kaunter farmasi di kanan" berbanding "Di sebelah sana".
- 4. Penjelasan:** Jangan takut memberi penjelasan tentang warna, tekstur, atau mercu tanda.
- 5. Penggunaan Kata:** Gunakan perkataan seperti 'buta', 'lihat', atau 'jumpa' dengan bebas, mereka tetap menghargainya.



Teknik Berurusan dengan OKU Pendengaran:

- 1. Elakkan Nama Negatif:** Jangan panggil mereka dengan nama seperti "si pekak" atau "si bisu".
- 2. Panggilan yang Sesuai:** Jangan tepuk tangan, pukul meja, hentak kaki, atau lempar objek untuk memanggil mereka.
- 3. Tempat Terang:** Berkomunikasi di tempat yang terang agar mereka dapat melihat anda dengan jelas.
- 4. Eye Contact:** Sentiasa wujudkan hubungan mata semasa berkomunikasi.
- 5. Jangan Tutup Muka:** Jangan tutup mulut atau pakai face mask ketika berkomunikasi.
- 6. Belajar Bahasa Isyarat:** Pelajari asas bahasa isyarat untuk memudahkan komunikasi.



Sebagai Pemandu Arah kepada OKU Penglihatan:

- 1. Pegang Lengan:** Benarkan mereka memegang lengan anda untuk mengikut anda.
- 2. Tempat Sempit:** Bawa lengan yang dipegang ke belakang badan jika melalui tempat sempit.
- 3. Tangga:** Berhenti sebelum naik atau turun tangga, dan beri mereka masa untuk menyesuaikan kaki mereka.
- 4. Jangan Tarik:** Elakkan menarik tangan, baju, atau tongkat mereka

Teknik Komunikasi dengan OKU

Berkomunikasi secara berkesan

Gunakan bahasa yang sopan dan hormat. Tanya bagaimana mereka lebih selesa berinteraksi, contohnya, sama ada mereka memerlukan bantuan tertentu atau cara komunikasi khusus

Dengar dengan teliti

Jadilah pendengar yang baik untuk memahami keperluan, aspirasi, dan pandangan mereka terhadap kehidupan

Hormati autonomi mereka

Berikan ruang untuk mereka membuat keputusan sendiri dan menghormati kebebasan mereka, sama seperti orang lain

Prinsip Umum Berkomunikasi dengan OKU:

- 1. Hormat dan Penghargaan:** Beri perhatian dan hormati mereka, dengan tidak merendahkan kemampuan mereka.
- 2. Tanya dan Dengar:** Sentiasa tanya bagaimana mereka ingin berkomunikasi dan dengar keperluan mereka.
- 3. Bersabar dan Tenang:** Selalu bersabar dan berikan ruang kepada mereka untuk menyampaikan maklumat atau memberi respon.
- 4. Beri Bantuan Jika Diperlukan:** Tanyakan jika mereka memerlukan bantuan, tetapi jangan memaksa jika tidak diperlukan.¹⁷



Pernah Buat
Macam Ni? 🤔

Ke Arah Persekitaran Kerja yang Mesra OKU



Aksesibiliti dan Penyesuaian Munasabah



Sokongan Rakan Sekerja & Budaya Kerja Inklusif



Job Coaching





Apakah yang salah dalam gambar ini?



Aksesibiliti dan Penyesuaian Munasabah



“penyesuaian munasabah” dalam Akta 685

Pengubahsuaian dan pelarasan yang perlu dan sesuai tanpa mengenakan bebanan tidak seimbang atau tidak wajar, jika diperlukan dalam hal tertentu, untuk memastikan orang kurang upaya menikmati atau menjalani kehidupan yang berkualiti dan sejahtera atas asas kesetaraan dengan orang upaya






Sokongan Rakan Sekerja & Budaya Kerja Inklusif



Pendidikan & Kesedaran: Sediakan latihan untuk meningkatkan kefahaman mengenai keperluan OKU



Aksesibiliti & Teknologi: Pastikan tempat kerja mudah diakses dan sediakan teknologi sokongan yang sesuai



Penyesuaian Tugas: Sesuaikan peranan dan jadual kerja mengikut keperluan individu



Sokongan Rakan Sekerja: Galakkan komunikasi terbuka dan kerjasama di kalangan rakan sekerja



Polisi Inklusif: Tetapkan dasar yang jelas dan dapatkan maklum balas daripada pekerja OKU



Kepimpinan Inklusif: Pimpinan harus menunjukkan contoh dan mengiktiraf pencapaian pekerja OKU

Job Coaching

Perkhidmatan Job Coach

1. Bertujuan untuk menyokong OKU dalam pasaran pekerjaan terbuka.
2. Semua kategori OKU layak mendapat perkhidmatan ini.

Siapa Job Coach?

1. Individu berpengalaman dan telah menghadiri Kursus Asas Job Coach.
2. Menghubungkan OKU dengan majikan.

Peranan Job Coach:


- 1. Penilaian OKU:** Menilai keadaan OKU.
- 2. Penilaian Tempat Kerja:** Menilai persekitaran kerja.
- 3. Padanan Kerja:** Mengubah suai keadaan kerja mengikut keperluan OKU.
- 4. Sokongan Intensif:** Menyediakan sokongan kepada OKU dan majikan.
- 5. Sokongan Semulajadi:** Mewujudkan sokongan rakan sekerja untuk OKU.
- 6. Tindakan Susulan:** Sokongan berkala untuk mengekalkan OKU dalam pekerjaan.



Penutup



Peningkatan kefahaman tentang keperluan OKU



Pengurangan persepsi negatif dalam penjawat awam terhadap OKU.



Meningkatkan tenaga kerja yang lebih mahir dan responsif.



Memberi perhatian kepada persekitaran kerja yang inklusif dan mesra OKU.



Sokongan rakan sekerja penting untuk perkhidmatan awam yang lebih efektif.





THANK
you

